

IISS-Asia kagum suara Malaysia perjuang isu sejagat



Anwar menerima kunjungan hormat John Chipman, di Putrajaya, kelmarin.
(Foto FB Anwar Ibrahim)

Kuala Lumpur: Fungsi Malaysia dalam menyuarakan kepentingan sejagat dan ketegasan dalam hal terkait situasi di Asia Barat dikagumi pihak luar, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu disuarakan Pengerusi Eksekutif Institute of Strategic Studies Asia (IISS-Asia), John Miguel Warwick Chipman yang mengadakan kunjungan hormat ke pejabatnya kelmarin.

“Hal ehwal geostrategik serantau terkait keselamatan secara menyeluruh merangkumi aspek pertahanan, ekonomi, sosial, tenaga, kecerdasan buatan, pusat data serta keselamatan siber antara yang dibincangkan semalam (kelmarin).

“Dalam pertemuan semalam (kelmarin), Sir John Chipman menyatakan kekaguman akan

peranan Malaysia dalam menyuarakan kepentingan sejagat serta ketegasan dalam hal terkait situasi di Asia Barat.

“Saya juga berkongsi aspirasi Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 iaitu keutamaan agar rantau ini aman, stabil dan makmur supaya rakyat di negara ASEAN dapat bergerak seiring ke hadapan, selain kepentingan hubungan akrab dengan pelbagai negara sebagai kunci utama mewujudkan hubungan diplomatik yang utuh dalam berhadapan pelbagai cabaran global yang dinamik,” katanya menerusi kenyataan di Facebook, semalam.

Perdana Menteri memaklumkan John Chipman turut menyampaikan undangan IISS-Asia secara peribadi kepadanya untuk memberikan uca-

pan khas ketika Shangri-La Dialogue 2025 yang dijadualkan di Singapura pada 31 Mei depan.

“IISS-Asia melihat peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 amat penting serta hala tuju yang digerakkan pada tahun ini memberikan impak bukan sahaja kepada rantau Asia Pasifik, malah ia mendapat perhatian dunia.

“Sehubungan itu, Malaysia turut diundang untuk berperanan dalam IISS Manama Dialogue 2025 pada Oktober depan.

“Justeru, undangan-undangan ini suatu penghargaan kepada negara yang menterjemah pengiktirafan dunia terhadap peranan penting Malaysia, sekali gus penghargaan ini adalah suatu bentuk kejayaan Malaysia yang dihormati dunia,” katanya.